

**PERATURAN AM PERTANDINGAN
SUKAN PRESTASI TINGGI MAJLIS SUKAN UNIVERSITI MALAYSIA
2010**



1. Nama

Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Sukan Prestasi Tinggi Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) (SPTM). Format Pertandingan mengikut jenis-jenis sukan yang akan dipertandingkan.

2. Definisi

- 2.1 MASUM bermaksud Majlis Sukan Universiti Malaysia iaitu badan tertinggi yang mengendalikan program sukan di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia.
- 2.2 JKTP bermaksud Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MASUM iaitu jawatankuasa yang bertanggungjawab melaksanakan segala program pertandingan MASUM.
- 2.3 SPTM bermaksud Sukan Prestasi Tinggi MASUM iaitu sukan yang dikategorikan oleh MASUM sebagai sukan elit sebanyak sebelas (11) jenis sukan seperti Bola Sepak, Hoki Lelaki, Badminton, Renang, Skuasy, Tenpin Boling, Trek dan Padang, Ragbi, Bola Jaring, Golf dan Sepaktakraw.
- 2.4 IPTA bermaksud Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia iaitu 20 buah universiti awam yang terdapat di Malaysia.

3. Pengelola

- 3.1 Sukan MASUM ini dikelola oleh Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dengan kerjasama dari semua Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia yang bergabung dengan MASUM.
- 3.2 Bagi maksud pengelolaan, MASUM bertanggungjawab dengan perkara-perkara dasar dan boleh menyerahkan kuasa pengelolaan serta aktiviti sukan kepada mana-mana ahli MASUM atau satu jawatankuasa khas yang ditubuhkan oleh MASUM.
- 3.3 Adalah menjadi tanggungjawab jawatankuasa pengelola menerangkan secara lengkap dan jelas peraturan Pertandingan Sukan Prestasi Tinggi MASUM kepada badan/persatuan sukan/orang perseorangan yang terlibat di dalam pengelolaan Pertandingan Sukan Prestasi Tinggi MASUM.

4. Kelayakan

- 4.1 Semua IPTA Malaysia yang bergabung dengan MASUM dan universiti-universiti jempunan layak menyertai Pertandingan SPTM.

Peserta ;

- 4.2.1 Semua pelajar yang berdaftar dan menghadiri kursus sepenuh masa di peringkat Diploma dan Ijazah Pertama yang ditawarkan di IPTA Malaysia yang menjadi ahli gabungan MASUM.
- 4.2.2 Semua pelajar yang berdaftar dan menghadiri kursus sepenuh masa di peringkat pasca siswazah layak mengambil bahagian dengan syarat mendapat pengesahan daripada Jabatan Pengajian Siswazah IPTA masing-masing.
- 4.2.3 Pelajar Pra-U, Pra-Diploma, Pra-Ijazah, adalah tidak dibenarkan mengambil bahagian. Hanya Pelajar Pra-U, Pra-Diploma, Pra-Ijazah, Matrikulasi dan Kursus Asasi yang diuruskan oleh universiti berkenaan dibenarkan mengambil bahagian.
- 4.2.4 Pelajar-pelajar tahun akhir yang telah menamatkan pengajian hanya layak mewakili universiti sehingga semester berkenaan berakhir sahaja.

5. Kad Matrik

Semua peserta dikehendaki membawa bersama kad matrik sepanjang Pertandingan SPTM dijalankan.

6. Bilangan Pegawai dan Pemain

Bil	Permainan	Peserta		Pegawai
		L	P	
1.	Bolasepak	25	-	7
2.	Sepaktakraw	12	-	2
3.	Badminton	9	9	4
4.	Tenpin Boling	4	4	4
5.	Trek dan Padang	*	*	3
6.	Renang	*	*	3
7.	Hoki Lelaki	25	-	4
8.	Skuasy	7	5	4
9.	Ragbi	30	-	4
10.	Bola Jaring	-	15	5
11.	Golf	8	4	2

** bergantung kepada penyertaan IPTA yang terlibat*

7. Referi Kehormat/Pengadil

- 7.1 Pengadil Bertauliah akan disediakan oleh jawatankuasa pengelola bagi tiap-tiap permainan yang dipertandingkan.

7.2 Referi kehormat hendaklah disediakan oleh jawatankuasa pengelola sepanjang pertandingan dijalankan bagi permainan seperti sepaktakraw dan badminton.

8. Pakaian

8.1 Setiap pemain/pasukan hendaklah memakai pakaian yang dibenarkan dalam undang-undang permainan berkenaan.

8.2 Jika kedua-dua pasukan memakai pakaian yang sama warnanya, pasukan yang namanya mula-mula tercatat dalam jadual pertandingan mestilah menukar kepada pakaian yang lain warnanya.

9. Peralatan

9.1 Semua jenis peralatan sukan akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal MASUM dan hendaklah disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.

9.2 Semua tempat pertandingan (padang/gelanggang) dan peralatan sukan hendaklah disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

10. Sistem Pertandingan

10.1 Sistem pertandingan yang akan dijalankan adalah seperti berikut:-

Bil	Sukan	Sistem Pertandingan
1	Bola Sepak	Liga Dua Divisyen
2	Sepaktakraw (Antara Regu)	Liga antara Kumpulan
3	Badminton Lelaki dan Wanita (Individu)	Kalah Mati
4	Skuasy Lelaki dan Wanita (Individu)	Dua Kali Kalah Mati dan Format Sirkuit (Undian 32)
5	Trek dan Padang Lelaki dan Wanita	Siri
6	Renang Lelaki dan Wanita	Siri
7	Hoki Lelaki	Liga Dua Divisyen
8	Tenpin Boling (Lelaki dan Wanita)	Sirkuit
9	Ragbi	Liga Dua Divisyen
10	Bola Jaring	Liga Dua Divisyen
11	Golf (Lelaki dan Wanita)	Siri

10.2 Pemberian Mata

10.2.1 Format Liga

Bagi acara sukan yang akan dijalankan secara liga, pemberian mata yang akan digunakan pada perlawanan peringkat kumpulan ialah:-

Menang	-	3
Seri	-	1
Kalah	-	0

Atau mengikut syarat pemberian mata peraturan permainan yang mempunyai sistem pemberian mata sendiri.

11. Pendaftaran Pasukan

- 11.1 Borang Pendaftaran Pasukan hendaklah dihantar kepada Pengelola 30 hari sebelum kejohanan atau tarikh yang ditetapkan.
- 11.2 Borang Pendaftaran Perlawanan hendaklah diserahkan kepada meja urusetia permainan 15 minit sebelum masa perlawanan bermula.

12. Penangguhan

- 12.1 Semua perlawanan akan dijalankan mengikut masa yang ditetapkan.
- 12.2 Tarikh, masa dan tempat perlawanan yang telah ditetapkan/jadualkan sama sekali tidak boleh diminta tangguh atau diubah oleh pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.
- 12.3 Jawatankuasa Pengelola mempunyai kuasa mutlak untuk menangguh atau mengubah sesuatu perlawanan dengan diberitahu terlebih dahulu atau diputuskan dengan serta merta.
- 12.4 Jawatankuasa Pengelola berhak menetapkan semula perlawanan yang ditangguhkan itu.

13. Menarik Diri Dan Menyerah Kalah

- 13.1 Setiap pasukan mesti menamatkan setiap perlawanan dan tidak boleh dengan sengaja memberi kemenangan percuma kepada pihak lawan untuk perlawanan yang akan atau sedang berlangsung. Setiap pasukan dikehendaki meneruskan permainan walaupun telah layak untuk pusingan seterusnya.
- 13.2 Jika berlaku kecederaan pemain sebelum perlawanan, pemain yang cedera mestilah mendapat pengesahan daripada Pegawai Perubatan yang disediakan oleh Tuan Rumah/Jawatankuasa Pengelola sebelum pasukan terlibat memberi kemenangan kepada pihak lawan.

14. Bantahan

- 14.1 Sebarang bantahan hendaklah dibuat secara bertulis oleh pengurus pasukan. Bantahan hendaklah diserahkan kepada Setiausaha Jawatankuasa Pengelola atau wakilnya dalam tempoh tidak lebih dari satu (1) jam selepas tamat perlawanan atau mengikut peruntukan masa bantahan yang ditetapkan oleh setiap permainan dengan disertakan wang tunai sebanyak RM250.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Sahaja) sebagai cagaran.
- 14.2 Wang cagaran itu akan hilang dan menjadi pendapatan MASUM sekiranya bantahan itu tidak diterima.
- 14.3 Sekiranya bantahan diterima maka wang cagaran akan dikembalikan hanya sebanyak RM 200.00 sahaja. RM 50.00 akan dikenakan sebagai Yuran Proses.
- 14.4 Semua bantahan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

15. Jawatankuasa bantahan/tatatertib

Terdiri daripada lima (5) orang seperti berikut:

- a. Pengerusi Permainan atau wakil.
- b. Pengerusi Teknikal Kejohanan atau wakil.
- c. Tiga orang Pengurus Pasukan bukan dari universiti yang sama dan tidak terlibat dalam bantahan.

16. Juri Rayuan

Jawatankuasa Pengelola hendaklah menubuhkan Juri Rayuan yang terdiri tiga (3) orang sahaja. Ahli-ahli hendaklah terdiri:

- a. Pengerusi MASUM atau wakil.
- b. Pengerusi Jawatankuasa Teknikal MASUM atau wakil.
- c. Seorang Ahli Majlis MASUM atau wakil.

17. Tindakan Tatatertib

Seseorang pemain yang digantung permainannya oleh badan-badan tersebut dibawah tidak dibenarkan menyertai sebarang pertandingan dalam tempoh penggantungan:

1. Universiti Awam Di Malaysia (IPTA)
2. Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)
3. Persatuan Sukan Negeri
4. Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK)

18. Sijil

Sijil Penyertaan akan disediakan oleh MASUM dan akan diberi kepada semua peserta.

19. Hadiah

Hadiah Pertandingan Sukan Prestasi Tinggi MASUM (SPTM) akan disediakan oleh MASUM seperti berikut:-

19.1 Format Liga

Johan	:	Piala Pusingan, Piala Iringan, Medal Individu dan Diploma
Naib Johan	:	Piala Iringan, Medal Individu dan Diploma
Ketiga	:	Medal Individu dan Diploma
Keempat	:	Diploma

19.2 Format Liga Antara Kumpulan

Johan	:	Piala Pusingan, Medal dan Diploma
Naib Johan	:	Medal dan Diploma
Ketiga	:	Medal dan Diploma
Keempat	:	Diploma

19.3 Format SPTM

Johan	:	Medal dan Diploma
Naib Johan	:	Medal dan Diploma
Ketiga	:	Medal dan Diploma
Keempat	:	Diploma

* *Atau mengikut sistem pemberian hadiah sukan tersebut*

19.4 Format Siri Sukan MASUM

Johan	:	Medal dan Diploma
Naib Johan	:	Medal dan Diploma
Ketiga	:	Medal dan Diploma
Keempat	:	Diploma

* *Atau mengikut sistem pemberian hadiah sukan tersebut*

20. Piala Pusingan (bagi sukan berkaitan)

20.1 Pasukan yang menang adalah bertanggungjawab ke atas penjagaan Piala Pusingan.

20.2 Pasukan yang menang adalah bertanggungjawab untuk memulangkan dan menyerahkan Piala Pusingan dalam keadaan yang baik kepada Jawatankuasa Pengelola enam (6) bulan sebelum kejohanan dimulakan.

20.3 Sekiranya Piala Pusingan didapati rosak atau hilang semasa dalam simpanan pasukan yang menang, pasukan berkenaan hendaklah membaiki atau menggantikannya.

20.4 Piala Pusingan Kejohanan perlu ditukar setiap lima (5) tahun.

21. Denda

Mana-mana pemain/pasukan yang menarik diri selepas jadual pertandingan dikeluarkan atau pengesahan penyertaan pemain/pasukan, maka pemain/pasukan tersebut tidak dibenarkan untuk menyertai sebarang kejohanan anjuran MASUM bagi acara yang berkenaan sahaja mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh JKTP MASUM.

22. Peraturan Lain Tidak Dinyatakan

- 22.1 Peraturan-peraturan di atas hendaklah dipatuhi melainkan jika ada dinyatakan berlainan dalam pertandingan permainan tertentu.
- 22.2 Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam Peraturan Am ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Induk MASUM dan keputusannya adalah muktamad.
- 22.3 Sebarang pindaan, tambahan atau perubahan Peraturan Am yang ditetapkan TIDAK DIBENARKAN dibuat semasa taklimat Pengurus Pasukan.